



**TATACARA PENGGUNAAN LOGO  
LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA  
KEPADA  
*APPROVED TRAINING PROVIDER (ATP)***

Dikeluarkan oleh  
Lembaga Teknologis Malaysia  
November 2023

## 1. PENGENALAN

- 1.1 *Approved Training Provider (ATP)* MBOT merujuk kepada syarikat, organisasi atau mana-mana institusi lain yang menjalankan aktiviti pendidikan dan latihan bagi tujuan pembelajaran sepanjang hayat kepada ahli-ahli MBOT.
- 1.2 Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuing Professional Development - CPD*) merupakan kriteria utama bagi tujuan pembaharuan pendaftaran profesional Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.).

## 2. TUJUAN

- 2.1 Tatacara ini bertujuan untuk **menjelaskan ketetapan penggunaan logo MBOT kepada ATP MBOT** bagi penganjuran latihan, kursus, bengkel, seminar dan program-program CPD yang lain.
- 2.2 Penggunaan logo ini adalah bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.) mengenai program-program CPD yang diluluskan oleh MBOT.

### 3. PEMATUHAN ATP MBOT TERHADAP PENGGUNAAN LOGO

- 3.1 ATP MBOT yang telah mendapat kelulusan pengajuan program CPD tidak perlu mengisi borang permohonan penggunaan logo kerana logo dan tatacara akan dikemukakan melalui emel pemakluman kelulusan jam CPD MBOT.
- 3.2 ATP MBOT perlu menggunakan logo yang diberikan oleh pihak MBOT sahaja. ATP MBOT tidak dibenarkan untuk memperolehi logo daripada sebarang enjin carian, laman sesawang atau sumber-sumber lain.
- 3.3 Kebenaran penggunaan logo diberikan kepada program yang diluluskan sahaja - tiada kelulusan terbuka diberikan kepada syarikat, organisasi atau mana-mana institusi lain yang berdaftar sebagai ATP MBOT.
- 3.4 Penggunaan terma-terma yang membawa maksud seperti di bawah adalah tidak dibenarkan, melainkan dengan kebenaran rasmi daripada pihak MBOT.

<i>supported by</i>	Disokong oleh
<i>approved by</i>	Diluluskan oleh
<i>co-organised</i>	Penganjur bersama
<i>strategic partner</i>	Rakan strategik
<i>in collaboration with</i>	Penganjuran bersama
<i>in cooperation with</i>	Dengan kerjasama

- 3.5 ATP MBOT perlu bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan sebarang masalah atau kesulitan tidak berbangkit dalam penganjuran program yang menggunakan logo ATP MBOT.
- 3.6 MBOT berhak untuk menghalang dan membatalkan mana-mana pihak yang tidak mematuhi tatacara penggunaan logo, secara tanpa notis termasuk kepada ATP MBOT yang telah diberikan kelulusan.

#### 4. LOGO RASMI UNTUK KEGUNAAN APPROVED TRAINING PROVIDER (ATP)




- 4.1 ATP *MBOT* perlu menggunakan logo seperti di atas. Ia akan dikemukakan oleh pihak *MBOT* setelah kelulusan jam CPD diberikan kepada *ATP MBOT*.
- 4.2 *ATP MBOT* perlu membuat suntingan sendiri pada ruangan yang disediakan dengan mengisi jumlah jam CPD yang telah diluluskan.  
(Font : Arial - bold)

Contoh:



## 5. CONTOH PENGGUNAAN LOGO YANG BETUL



- 5.1 Logo ATP MBOT perlu diletakkan dengan jelas berserta jumlah jam CPD tanpa penambahan terma-terma yang tidak dibenarkan seperti yang dinyatakan pada perkara 3.4.

## 6. CONTOH PENGGUNAAN LOGO YANG SALAH



- 6.1 Tidak dibenarkan menggunakan logo yang kabur, tidak jelas atau *distorted*.



- 6.2 Tidak dibenarkan menggunakan terma seperti *supported by*, *approved by*, *co-organised*, *strategic partner*, *in collaboration with*, *in cooperation with* atau terma-terma yang membawa maksud yang sama.

## 7. PENUTUP

- 7.1 Tatacara permohonan ini terpakai kepada semua *ATP* yang berdaftar dengan MBOT.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Unit Komunikasi Korporat, Lembaga Teknologis Malaysia

03-8800 6266 / 03-8800 6268

[t.nabila@mbot.org.my](mailto:t.nabila@mbot.org.my) / [cpd@mbot.org.my](mailto:cpd@mbot.org.my)

[www.mbot.org.my](http://www.mbot.org.my)